



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

KITASELANGOR

KENYATAAN MEDIA - 2 JULAI 2025

SELANGOR ANJUR SIRI KEDUA KEMPEN BEBAS PLASTIK DI LAMAN SENI SAFARI, KLANG

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar akan menganjurkan Kempen Bebas Plastik Siri 2 di Laman Seni Safari, Klang pada 6 Julai 2025 (Ahad), selaras usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya pencemaran plastik dan menggalakkan penggunaan alternatif yang lebih mesra alam.

Program ini adalah lanjutan daripada kejayaan penganjuran Kempen Bebas Plastik Siri Pertama di Pantai Bagan Lalang, Sepang pada 24 Mei lalu yang telah mendapat sambutan amat menggalakkan daripada masyarakat setempat, NGO dan pihak swasta.

Penganjuran Siri Pertama juga telah berjaya dilaksanakan tanpa sebarang penggunaan plastik, sekali gus membuktikan bahawa aktiviti komuniti berskala besar boleh dilaksanakan dengan lebih lestari dan mesra alam, jika dirancang dengan teliti dan disokong oleh semua pihak yang terlibat.

Kejayaan tersebut menjadi asas kukuh kepada penganjuran Siri Kedua, yang diharap dapat memperluas lagi kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam usaha memerangi pencemaran plastik secara berterusan serta menggalakkan amalan kitar semula.

Kempen Bebas Plastik Siri 2 ini akan bermula jam 6 pagi sehingga 12 tengah hari.

Antara segmen menarik yang menanti pengunjung ialah Fun Walk Kempen Bebas Plastik, senamrobik; pameran agensi kerajaan, reruai jualan makanan dan minuman, cabutan bertuah, mural, 'Green Pasar', pameran inovasi kitar semula, kuiz serta program 'Anda Kitar Semula, Kami Bayar'.

Apa yang menarik, penganjuran Siri 2 ini akan juga berlangsung tanpa penggunaan sebarang plastik, termasuk oleh peniaga di tapak program.

Inisiatif ini diyakini bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu alam sekitar, malah berupaya memupuk komuniti yang lebih prihatin dan bertanggungjawab terhadap kelestarian alam semula jadi.

Oleh itu, seluruh masyarakat, terutama penduduk sekitar Klang dan kawasan berdekatan dijemput hadir dan memberikan sokongan terhadap program ini. Mari kita bersama-sama menunjukkan kepedulian terhadap alam sekitar serta menjadi ejen perubahan demi masa depan generasi akan datang.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar